

18/09/2000

Syed Mohamad Nasir sempat ucap selamat malam

Suzan Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad - Allahyarham Syed Mohamad Nasir Tun Syed Ahmad Shahabudin, yang terkorban dalam kemalangan di Sri Damansara dekat sini, awal pagi semalam sempat mencium dan mengucapkan selamat malam kepada anaknya sebelum keluar rumah.

Isteri Allahyarham, Syarifah Khalisah Syed Salim, 32, berkata suaminya sempat mengucapkan selamat malam kepada Syed Mohamad Mahathir, 3, sebelum menemui rakan kira-kira jam 11 malam.

Syarifah Khalisah berkata, suaminya ke Sri Damansara kerana menemui rakan perniagaan yang dikenali sebagai Saliman.

"Saya difahamkan Saliman bakal menjadi rakan kongsi Allahyarham yang bercadang membuka perniagaan restoran di Subang," katanya ketika ditemui Berita Harian di kediamannya di Taman Tun Dr Ismail, di sini hari ini.

Beliau berkata, melalui maklumat diberikan Saliman, suaminya tiba di Sri Damansara jam 11.30 malam.

Dalam kejadian awal pagi semalam, kereta yang dipandu anak Yang Dipertua Negeri Melaka itu, dirempuh lori trailer di simpang lampu isyarat Sri Damansara. Beliau meninggal dunia di tempat kejadian.

Ibu Allahyarham, Toh Puan Marfuza Sheikh Mohd Osman berkata, anak lelaki tunggalnya kerap menghubunginya.

"Dia akan menelefon setiap hari dan bertanyakan khabar saya dan bapanya di Melaka," katanya.

Malah beliau ada merancang mengunjungi Allahyarham di rumahnya pada Sabtu itu sebelum menghantar adik bongsunya, Nor Azel, 24, melanjutkan pelajaran di United Kingdom.

"Malangnya belum sempat kami menemuinya semalam (Sabtu), dia sudah pergi buat selamanya," katanya sebak.

"Namun kami menerima itu semua sebagai dugaan Tuhan dan kami reda," katanya.

(END)